

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Tuesday, March 12, 2019 10:45 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: MPLPU Platform Berkongsi Maklumat Dan Pandangan



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

12 MAC 2019 / 05 REJAB 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Unifilm

MPLPU PLATFORM BERKONGSI MAKLUMAT DAN PANDANGAN



UUM ONLINE: Kuala Lumpur - Mesyuarat Majlis Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (MPLPU) adalah platform terbaik Pengerusi LPU untuk berkongsi maklumat dan pandangan.

Pengerusi LPU UUM, Prof. Dato' Dr. Sudin Haron berkata, semua Pengerusi LPU bertanggungjawab untuk selaraskan kepentingan universiti masing-masing dengan menjadikan mesyuarat itu sebagai tempat perkongsian.

Bagaimanapun, katanya, mereka hanya mampu untuk menyuarakan cadangan tetapi bukan sebagai satu badan yang boleh membuat keputusan kepada Kementerian.

“Kita cadangkan kepada Kementerian supaya mereka dapat mengambil maklum pandangan dan idea ini bagi tujuan kemajuan universiti-universiti.

“Dalam mesyuarat ini juga kita akan bincangkan tentang autonomi dan ramai dilihat masing terawang-awang tentang status autonomi ini,” katanya yang mempengerusikan Mesyuarat MPLPU Ke-5 di EDC Hotel, semalam.

Selain itu, menurut beliau, semua universiti disarankan untuk menggunakan teknologi supaya ia dapat diseragamkan, malah Kementerian Pendidikan Malaysia juga mencadangkan penggunaan kepakaran yang sama.

Dalam mesyuarat itu, agenda yang dibincangkan adalah tentang dasar dan program pembangunan dan kemajuan universiti selaras dengan amanat Menteri Pendidikan dan hubungan kerjasama strategik universiti dengan pihak luar dengan mencadangkan program *benchmarking* ke universiti terkemuka luar negara untuk Pengerusi LPU.

Selain itu, antara agenda lain adalah ekonomik serta kecekapan melalui pembentangan isu penting tentang pemerintahan dan pengurusan sumber manusia oleh Pengerusi Majlis Pendaftar.

Seramai 18 Pengerusi LPU dari universiti awam seluruh negara telah hadir ke Mesyuarat MPLPU kali ke-5 Bil 1/2019.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.